



# **PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN**

## **PENERBIT RANCANGAN GRED B27**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

# PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PENERBIT RANCANGAN GRED B27

## ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
  - a. Surat panggilan menduduki peperiksaan
  - b. Kad Pengenalan
  - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon mesti berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum Peperiksaan dimulakan.
3. Calon mesti mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

## PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mengandungi dua (2) Bahagian iaitu:

- Bahagian I - Amali  
Bahagian II - Bertulis

### **BAHAGIAN I – AMALI**

Bahagian ini mengandungi dua (2) seksyen:-

- Seksyen A : Suara  
Seksyen B : Penyampaian

Semua calon dikehendaki menjawab kedua-dua seksyen.

### **Seksyen A - Suara**

Calon-calun akan diuji suara dalam dua bahasa. Satu di dalam Bahasa Melayu dan satu lagi di dalam bahasa/ dialek lain yang ditentukan tertakluk kepada keperluan jabatan. Penilaian terhadap bacaan calon adalah berdasarkan kepada mutu suara seperti berikut :

- (a) Jelas dan terang
- (b) Nada Suara

**CONTOH SOALAN :**

Teks Wajib  
Bahasa Malaysia

Penyerang bola sepak antarabangsa Perancis, Thierry Henry, sah menjadi milik kelab Barcelona. Menurut akhbar Catalunya Informacio, Henry telah memuktamadkan kontrak untuk beraksi dengan Barca bagi tempoh empat tahun. Yuran perpindahan adalah sekitar 32 juta dolar dan beliau akan menerima bayaran kira-kira 8 juta dolar setahun.

Henry telah menjalani ujian kesihatan dan disahkan cergas untuk bermain dengan kelab Catalan itu. Ketika bercakap dalam sidang akhbar di Nou Camp, beliau melafazkan azam tinggi untuk membantu Barca meraih trofi yang terlepas daripada genggamannya musim lalu.

Sebelum ini, Henry menjadi idola peminat kelab London, Arsenal selama 8 tahun. Beliau adalah penjaring terbanyak sepanjang zaman kelab *The Gunners* dengan 226 gol. Pada tahun 2005 beliau muncul penjaring terbanyak dalam sejarah kelab itu, mengatasi 184 gol yang dijaringkan Ian Wright.

**Seksyen B – Penyampaian**

- (a) Calon-calon akan diuji bakat, kebolehan dan kreativiti dalam perkara-perkara berikut :

- i. Penyampaian Berita (**WAJIB**)
- ii. Penyampaian Pengulas Acara Sukan
- iii. Penyampaian Pengulas Siaran Langsung
- iv. Penyampaian Laporan Wartawan Lokasi
- v. Penyampaian Hiburan

- (b) Calon-calon adalah diwajibkan untuk menjawab soalan (a) manakala bagi soalan seterusnya calon dikehendaki memilih salah satu di antaranya sahaja dan menyampaikan dalam bahasa pilihan masing-masing. Contohnya: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Tamil, Cina dan lain-lain bahasa/ dialek yang diperlukan oleh jabatan. Calon-calon akan diberi masa 20 minit untuk membuat persediaan sebelum ujian dijalankan.

Penilaian akan diberikan seperti berikut :

- a. Kreativiti
- b. Pengolahan
- c. Kelancaran
- d. Sebutan
- e. Penghayatan

**CONTOH SOALAN :**

(Penyampaian Siaran Langsung Acara Rasmi)

Anda ditugaskan sebagai pengulas acara rasmi pada majlis berikut:

Majlis : Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya peringkat Kebangsaan  
Tarikh : 12 November 2007  
Waktu : Mulai jam 5.00 petang  
Penganjur : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka  
Tempat : Dataran Bandar Hilir Melaka  
Tetamu Khas : SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong

Anda boleh memilih untuk membuat ulasan mengikut bahasa pilihan anda

## **BAHAGIAN II – BERTULIS**

Bahagian ini mengandungi tiga (3) seksyen iaitu:

Seksyen A - Pengetahuan Am  
Seksyen B - Karangan  
Seksyen C - Terjemahan

### **Seksyen A – Pengetahuan Am**

Soalan-soalan dalam seksyen ini adalah berbentuk aneka pilihan 4 pilihan jawapan. Calon-calon dikehendaki menjawab semua 40 soalan yang disediakan. Soalan bagi Seksyen A adalah menguji pengetahuan calon mengenai bidang-bidang berikut:

- i. Kenegaraan
- ii. Isu-isu semasa
- iii. Ekonomi
- iv. Sosio Budaya
- v. Media
- vi. Hiburan
- vii. Sukan

Masa : 30 minit

Soalan : 40 soalan aneka pilihan

### **CONTOH SOALAN :**

Sebagai badan penyiaran kerajaan, Radio Televisyen Malaysia (RTM) mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berat. Antara berikut, yang manakah **bukan** peranan RTM?

- A. Menyebarkan informasi kepada masyarakat
- B. Usaha memajukan daya pemikiran penduduk di kawasan bandar**
- C. Bergiat cergas di arena penyiaran antarabangsa
- D. Memastikan mutu penyiaran yang tinggi

### **Seksyen B – Karangan**

Calon akan diberi enam tajuk mengenai isu-isu semasa dan dikehendaki menulis 2 karangan. Satu dalam Bahasa Melayu dan satu lagi dalam bahasa/ dialek lain yang ditentukan tertakluk kepada keperluan jabatan. Setiap karangan tidak melebihi 300 patah perkataan.

Masa : 70 minit  
Soalan : 6 jawab 2

**CONTOH SOALAN :**

Jika anda diarah untuk menerbitkan sebuah rancangan televisyen yang berkonsepkan hiburan untuk remaja berbilang kaum, apakah cadangan anda untuk menjayakan rancangan ini?

**Seksyen C – Terjemahan**

Calon-calon akan diberi dua petikan karangan yang mengandungi lebih kurang 100 patah perkataan setiap satu. Satu petikan karangan dalam Bahasa Melayu dan satu lagi dalam Bahasa Inggeris/ Bahasa Lain yang ditentukan tertakluk kepada keperluan jabatan.

**Petikan Karangan A – Bahasa Melayu**

Petikan karangan ini hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris atau satu bahasa yang ditentukan.

**Petikan Karangan B – Bahasa Inggeris dan Bahasa Lain.**

Petikan karangan ini hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Melayu.

Masa : 40 minit  
Soalan : 2

**CONTOH SOALAN :**

Terjemahan dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Inggeris atau bahasa lain.

**Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Pembelajaran Sepanjang Hayat ini telah mula dibudayakan oleh beberapa buah negara luar terutamanya di negara-negara maju dan negara perindustrian baik di Barat mahupun di Timur.

Di negara Kesatuan Eropah misalnya, The Lisbon European Council pada bulan Mac 2000 telah menetapkan strategi dan matlamat untuk menjadikan masyarakat di negara Kesatuan Eropah sebagai masyarakat berilmu yang kompetitif dan dinamik pada peringkat global. Antara strategi yang diambil ialah menyediakan peluang pembelajaran dan latihan yang berterusan.

Manakala di negara Jepun, Kementerian Pendidikan, Sains Sukan dan Kebudayaan telah menubuhkan Biro Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun 1988 dan undang-undang khusus mengenai pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Sementara di Republik Korea pula, beberapa strategi telah dilaksanakan. Antaranya ialah menjadikan pembelajaran berpusatkan pelajar, perkongsian dengan semua institusi yang menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat tersebut dan memusatkan pembelajaran kepada komuniti tempatan.